

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 24.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi meningkatkan prestasi guru Bahasa Inggeris yang begitu lemah di Malaysia. Ini berikutan daripada laporan yang dikeluarkan oleh The Star bertarikh 11 Disember 2014 yang mengatakan hampir 70 peratus dari 60,000 guru Bahasa Inggeris yang menduduki ujian '*English Language Cambridge Placement Test*' mencapai keputusan yang amat lemah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menekankan penguasaan Bahasa Inggeris (BI) dalam kalangan guru BI kerana perkara ini amat penting bagi memastikan Pengajaran dan Pembelajaran BI dalam kelas dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Justeru, bagi menjamin kualiti dan profisiensi guru dalam BI, semua guru BI diwajibkan menduduki Ujian Aptis. Mereka yang mendapat band B2, B1, A2 dan A1 dikehendaki mengikuti program *Profesional Upskilling of English Language Teachers* atau Pro-ELT yang bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap profisiensi dan kompetensi pedagogi guru BI. Program ProELT selama 480 jam ini dilaksanakan menggunakan sama ada

mengikuti mod latihan model kluster ataupun mod berpusat untuk guru di kawasan luar bandar atau pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga berusaha menangani isu kekurangan guru opsyen BI yang mengajar BI terutamanya di sekolah rendah dalam kawasan luar bandar, dengan melaksanakan kursus *Intensive Course in English Language Teaching* di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Kursus ini bertujuan melengkapkan guru bukan opsyen BI dengan *content knowledge* dan memantapkan pedagogi serta kompetensi profesionalisme mereka. Melalui program PITO-ICELT ini, KPM berhasrat untuk mengurangkan bilangan guru BI bukan opsyen yang mengajar BI, terutamanya di luar bandar.

RJM53